



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JKP211 – Pentadbiran Awam

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) bahagian; Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

Sila jawab **SOALAN WAJIB** di Bahagian A dan mana-mana **SATU (1)** soalan di Bahagian B dan mana-mana **SATU (1)** soalan di Bahagian C.

BAHAGIAN A (SOALAN WAJIB)

1. Bincangkan perkara-perkara berikut:
 - (a). konsep dikotomi politik – pentadbiran masih relevan dalam konteks mana-mana negara moden.
 - (b). konsep dikotomi politik – pentadbiran tidak relevan dalam konteks mana-mana negara moden.
- (40 markah)

BAHAGIAN B

Pilih dan jawab **SATU (1)** soalan sahaja.

2. Menurut Vincent Ostrom (1980), "*Artisanship involves consideration of both facts and values. Both become integral parts of any artefact: an artefact is a union of both.*"

Pernyataan di atas merupakan jawapan Ostrom kepada persoalan tentang pengukuhan rekabentuk pentadbiran awam yang melibatkan dua perkara utama. Bahaskan pendapat beliau yang berbeza dengan pendapat Stephen Bailey dalam hal ini.

(30 markah)

3. Jelaskan **EMPAT (4)** cara luaran pengawalan terhadap pentadbiran awam dan keberkesanan setiap satu dalam konteks Malaysia.

(30 markah)

BAHAGIAN C

Pilih dan jawab **SATU (1)** soalan sahaja.

4. Peter Self (1977) menyatakan bahawa “... *it is hardly practical and probably not desirable that political leaders should be recruited specifically for their administrative capacity, but at least the selection of political leaders ought to place greater weight upon specific policy knowledge combined with executive capacity.*”

Petikan di atas berkaitan isu pelantikan para menteri yang sepatutnya berdasarkan kepakaran dan kelayakan yang sesuai serta kemahiran mentadbir. Masih relevankah persoalan di atas dalam konteks Malaysia? Bahaskan.

(30 markah)

5. Sir Richard Clarke (1983) menyarankan bahawa “*If the activities of a Minister and his department are focused on one small sector of the national life, the interests of that small sector will get too much weight in the Cabinet and in the government generally... The essence of good government is to appraise all sectional interests against the Government’s concept of the national interest; and this cannot happen if some sectional interests are given too large a voice.*”

Bahaskan saranan di atas dalam konteks mana-mana negara moden.

(30 markah)